



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
TINGKAT 3, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
40503 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN



CERTIFIED TO MS ISO 9001:2008
Registration No : AR 1991



**SELANGOR SHINES
“KEJUJURAN DAN KETEKUNAN”**

Ruj. Kami : IPK.Sel. 50309 / 4 / 10 Jld. 2 (9)

Tarikh : 9 hb. Julai 2010

26 Rejab 1431 H

Semua Ketua Jabatan Negeri Selangor

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor

Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor

Semua Ketua Badan Berkanun Negeri Selangor

YB Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan,

**MAKLUMAN PEMAKAIAN SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 19
TAHUN 2008 BERTAJUK “PENGUBAHSUAIAN PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN”
BERSERTA PINDAAN SYARAT KEHADIRAN KE KURSUS KENEGARAAN.**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara diatas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan Ke 21 / 2010 bertarikh 23 Jun 2010 telah meluluskan cadangan menggunakan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 19 Tahun 2008 bertajuk “Pengubahsuaian Penilaian Tahap Kecekapan” dengan beberapa pindaan berkaitan penghantaran anggota kerajaan di bawah lantikan Kerajaan Negeri Selangor (Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor, Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor dan Badan Berkanun Negeri Selangor) ke Kursus Kenegaraan anjuran Biro Tatanegara (BTN).

3. Untuk makluman YB Dato' / YBhg Dato' / tuan / puan pindaan-pindaan yang dilakukan berkaitan penghantaran anggota kerajaan di bawah lantikan Kerajaan Negeri Selangor ke Kursus Kenegaraan adalah seperti berikut :-

- (a) Menggantikan pelaksanaan Kursus Kenegaraan di dalam pekeliling dan surat pekeliling di bawah dengan Kursus SPIES Penjawat Awam. Pekeliling dan surat Pekeliling yang dimaksudkan adalah :-

...2/-

(Sila catatkan rujukan kami apabila berhubung)

- I) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 tahun 2002 (Pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan) perenggan 8 iaitu: *“Penilaian Tahap Kecekapan 1 merangkumi peperiksaan dan Kursus Kenegaraan. Bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional, penilaian Tahap Kecekapan 2 adalah dalam bentuk peperiksaan, manakala penilaian Tahap Kecekapan 3 dan ke atas adalah dalam bentuk kursus. Bagi Kumpulan Sokongan, penilaian Tahap Kecekapan 2 dan Tahap Kecekapan 3 adalah dalam bentuk peperiksaan, manakala penilaian Tahap Kecekapan 4 adalah dalam bentuk kursus”.*

Pindaan:

Perenggan ini adalah dipinda kepada *“Penilaian Tahap Kecekapan 1 adalah berbentuk peperiksaan. Bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional, penilaian Tahap Kecekapan 2 adalah dalam bentuk peperiksaan, manakala penilaian Tahap Kecekapan 3 dan ke atas adalah dalam bentuk kursus. Bagi kumpulan Sokongan, penilaian Tahap Kecekapan 2 dan Tahap Kecekapan 3 adalah dalam bentuk peperiksaan, manakala penilaian Tahap Kecekapan 4 adalah dalam bentuk kursus”;*

- II) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2003 (Pelaksanaan Kursus Kenegaraan Di Bawah Penilaian Tahap Kecekapan)

Pindaan:

Surat Pekeliling ini tidak diterima pakai oleh Kerajaan Negeri Selangor;

- III) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2005 (Pelaksanaan Integrasi Modul Kenegaraan Dalam Kursus Induksi)

Pindaan:

Pekeliling Perkhidmatan ini tidak diterima pakai oleh Kerajaan Negeri Selangor; dan

- IV) Surat Pekeliling Perkhidmatan Awam Bilangan 19 Tahun 2008 perenggan 49 hingga 51 iaitu:

"49. Kursus/Modul Kenegaraan adalah komponen kepada PTK di TK1. Kursus Kenegaraan bertujuan untuk meningkatkan ketahanan diri dari segi mental dan fizikal bagi melahirkan pegawai awam yang patriotik, berdisiplin dan berkeperibadian mulia"

"50. Pegawai yang disyaratkan mengikuti Kursus/Modul Kenegaraan adalah pegawai lantikan pertama dalam perkhidmatan awam pada 2 Januari 2002 dan selepasnya yang menduduki TK1 pada gred berkenaan".

"51. Pegawai boleh mengikuti Kursus Kenegaraan melalui Modul Kenegaraan yang diintegrasikan ke dalam Kursus Induksi Modul Umum atau Kursus Pra-perkhidmatan atau kursus-kursus lain seumpamanya. Penjelasan mengenai kaedah pelaksanaan integrasi Modul Kenegaraan dalam Kursus Induksi adalah seperti di dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2005. Pegawai juga boleh menghadiri Kursus Kenegaraan, secara berasingan yang dikendalikan oleh Biro TataNegara seperti mana terkandung di dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2003".

Pindaan:

Perenggan 49, 50 dan 51 dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan ini tidak diterima pakai oleh Kerajaan Negeri Selangor.

- (b) Pemakaian Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 19 Tahun 2008 ini berkuatkuasa 1 Januari 2010 dengan menggantikan pelaksanaan Kursus Kenegaraan BTN dengan Kursus SPIES Penjawat Awam.

4. Bersama-sama ini disertakan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 19 Tahun 2008 bertajuk Pengubahsuaian Penilaian Tahap Kecekapan untuk rujukan YB Dato' YBhg Dato' / YBhg Datin Paduka / tuan / puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(SITI MUNIRAH IBNI HAJAR)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
b.p. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Salinan kepada : -

YB Setiausaha Kerajaan Negeri
YBhg Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)
YBhg Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan)